

D829

U B821 DEB
MAHATHIR -- JAWATAN

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN ADA KEMUNGKINAN GOLONGAN TERTENTU MEMANGGIL PILIHAN RAYA BARU JIKA MEMENANGI PEMILIHAN UMNO PADA 24 APRIL INI.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU DIKATAKAN BERTINDAK DEMIKIAN UNTUK MENGGUGURKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN YANG TIDAK MENYOKONG ATAU SEHALUAN DENGAN MEREKA.

+GOLONGAN ITU DIKATAKAN MAHUKAN ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN RAKYAT YANG MENYEBELAHI MEREKA SEMATA-MATA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MAJLIS ULANGTAHUN KE-16 PENUBUHAN SHAMELIN DI WISMA TUNKU DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA BERKATA APA YANG DIDENGARI DARIPADA BERBAGAI-BAGAI SUMBER.

KATANYA, BELIAU TIDAK TAHU SAMA ADA PERKARA ITU SERIUS ATAU PUN HANYA TAKTIK BERKEMPEN. -- LAGI
1812MST 13 04 87

D830

U B822 DEB
MAHATHIR - JAWATAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA UMNO KEDAH MENOLAK PERMINTAAN DATUK MUSA UNTUK MENEMUI ANGGOTA PARTI DARI NEGERI ITU PADA 10 APRIL, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DAKWAAN ITU TIDAK BENAR KERANA PADA HARI TERSEBUT ANGGOTA UMNO KEDAH BERCADANG KE IPOH UNTUK MENGHADIRI UPACARA PERASMIAN BANGUNAN UMNO PERAK.

DATUK MUSA BOLEH BERJUMPA DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI DARI KEDAH PADA HARI-HARI LAIN, KATANYA.

APABILA DITANYA MENGENAI DAKWAAN KONONNYA SEPARUH DARIPADA ANGGOTA KABINET MENYEBELAH PIHAK YANG MENENTANGNYA, PERDANA MENTERI BERKATA +ADALAH DUA TIGA ORANG, EMPAT LIMA ORANG+.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TELAH MELULUSKAN CUTI KEPADA BEBERAPA ORANG MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI TETAPI TIDAK TAHU-MENAHU SAMA ADA IA AKAN DIKUTI DENGAN MEREKA TERLIBAT MELETAKKAN JAWATAN. -- BERNAMA
1813MST 13 04 87